



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

GOVERNMENT LEADERSHIP AWARD DI GLOBAL SUMMIT OF WOMEN 2015, SAO PAULO, BRAZIL

SAO PAULO, BRAZIL, 16 MEI 2015 - YB Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dianugerahkan Government Leadership Award di Global Summit of Women 2015 yang diadakan di Sao Paulo, Brazil. Anugerah telah disampaikan oleh Madam Irene Natividad, Presiden Global Summit of Women semasa Global Women's Leadership Awards Gala Dinner yang diadakan di sini pada 15 Mei 2015. Anugerah ini merupakan anugerah yang pertama diperkenalkan oleh Globe Women dan Malaysia merupakan negara pertama yang memenangi anugerah ini.

Anugerah ini menunjukkan bahawa komitmen dan perjuangan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan agenda pemerksaan wanita seperti termaktub dalam *Beijing Declaration dan Platform of Action* masih diteruskan bagi mencapai kejayaan yang lebih bermakna. Anugerah telah disampaikan kepada YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bagi menghargai peranan dan kesungguhan kementerian dalam melaksanakan program untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Penganugerahan ini diharapkan akan dari memberi insentif dan galakan untuk Malaysia menggiatkan lagi usaha – usaha dalam memperkasakan peranan wanita di negara ini.

Dalam sesi *Ministerial Roundtable*, YB Dato' Seri Rohani telah membentangkan *Career Comeback Programme*, iaitu inisiatif Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Talent Corp. *Ministerial Roundtable* merupakan platform yang disediakan kepada para menteri untuk berkongsi projek-projek yang dilakukan untuk pembangunan golongan wanita.

Pembentangan tersebut telah menarik perhatian daripada banyak negara termasuklah Jerman, Afrika Selatan dan El Salvador yang memuji tindakan Malaysia untuk memastikan penyertaan golongan wanita dalam tenaga kerja terutamanya wanita yang terpaksa meninggalkan bidang pekerjaan demi kepentingan keluarga.

Di dalam sesi pembentangan tersebut, YB Menteri juga menyentuh tentang sasaran kementerian / Malaysia untuk memastikan 30% wanita di peringkat pembuatan keputusan serta penubuhan 30% *Women Club* Malaysia. Selain itu, program untuk golongan wanita yang kurang bernasib baik juga dibentangkan di mana penekanan diberi kepada konsep *productive welfare* dan *social innovation* yang dijalankan oleh kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

###

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100, Putrajaya.
Tel : 03-83231088
Emel:info@kpwkm.gov.my